



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (62)  
Tarikh : 20 Mac 2023

**Semua Ibu bapa/Penjaga  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN SISTEM JANJI TEMU DALAM TALIAN KAUNTER SEKTOR  
PENGURUSAN SEKOLAH, PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SENTUL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat PPDS.600-9/3/1 (19) bertarikh 2 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Sentul (PPD Sentul) telah memperkenalkan sistem janji temu dengan pelanggan secara dalam talian. Sistem ini diperkenalkan bagi memastikan Sektor Pengurusan Sekolah, PPD Sentul dapat menyantuni setiap pelanggan yang hadir berurusan dengan cekap dan berkesan.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan yang ingin berurusan dengan Sektor Pengurusan Sekolah, PPD Sentul boleh menggunakan sistem janji temu secara dalam talian melalui pautan <http://bit.ly/3Z4gOZb> atau mengimbas **QR Code** seperti di bawah:



4. Melalui sistem janji temu secara dalam talian ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan hanya perlu melengkapkan maklumat *google form* melalui pautan atau QR Code di atas. Slip janji temu akan diperoleh melalui e-mel yang telah didaftarkan.

5. Tatacara janji temu secara dalam talian untuk berurusan dengan Sektor Pengurusan Sekolah PPD Sentul adalah seperti berikut:

- 5.1 Tempahan melalui sistem ini adalah berdasarkan polisi yang cepat didahulukan (*First Come First Serve*);
- 5.2 Pemohon hanya boleh memilih tarikh yang ada semasa permohonan dibuat; dan
- 5.3 Permohonan boleh dibuat selewat-lewatnya SATU (1) hari sebelum tarikh janji temu dan tertakluk kepada slot / tarikh yang ada.

6. Sebarang pertanyaan mengenai pemakluman ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi pihak PPD Sentul di talian 03-6241314/03-62420769/03-62427955 atau e-mel sps@ppwskl.edu.my.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**

Pengetua

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur

s.k.

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Sentul

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

d/a SK Sentul Utama, Jalan Sultan Azlan Shah

**51200 KUALA LUMPUR**

(u.p. : Sektor Pengurusan Sekolah)